

Penjelasan isu PFN memadai

Kerajaan tolak cadangan wujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja

Oleh Johari Ibrahim, Sazarina Shahrin dan Haika Khazi
bhnews@bharian.com.my

● FARIZ ISWADI ISMAIL | BERITA HARIAN

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah yang diambil kerajaan berhubung projek Pusat Fidlot Nasional (PFN) termasuk siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis sudah memadai, sekali gus menolak cadangan supaya diwujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat isu berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penjelasan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang bahawa jabatan itu tidak pernah menggunakan perkataan kucar-kacir atau penyelewengan dalam keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2010 berhubung projek PFN, juga sudah memadai dan membuktikan dakwaan projek itu gagal adalah tidak benar.

Beliau berkata, kerajaan juga sudah melantik syarikat perunding kewangan yang akan meneliti status kewangan syarikat National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp), syarikat pelaksana PFN itu.

"Langkah yang diambil ini, saya fikir sudah memadai kerana tujuan kita untuk menentukan status sebenar dan selepas penjelasan yang dibuat Ketua Audit Negara, bermakna kenyataan dikeluarkan oleh pelbagai pihak yang menyatakan bahawa projek itu gagal atau *it's a mess* sudah pun dinafikan.

"Saya harap hasil siasatan dapat disiapkan segera supaya kita tahu kedudukan sebenar," katanya selepas mendengar taklimat tertutup UMNO Bahagian Putrajaya di sini, semalam.

Kelmarin, sebuah portal berita melaporkan Penasihat DAP, Lim Kit Siang mencadangkan kerajaan membentuk Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat projek itu.

Muhyiddin berkata, projek PFN memerlukan penambahan supaya ia terus berdaya maju.

"Mungkin pembangkang mahu melihat projek ini gagal kerana kalau gagal, sahlah pandangan mereka betul tetapi sebagai projek yang didokong kerajaan tetapi dilaksanakan oleh swasta, kita mahu projek ini berdaya maju.

"Seperti sesetengah projek lain



MUHYIDDIN bersalaman dengan jemaah Surau Al-Amin, Putrajaya sebelum menunaikan solat Jumaat, semalam.

yang ada masalah, kita ambil langkah untuk kita perbaiki, bukan soal ia gagal yang penting ialah kita mahu kukuhkan kedudukannya dan saya jangka apabila laporan siap, kerajaan akan dapat tahu kedudukan sebenar," katanya.

Muhyiddin turut mengumumkan



Mungkin pembangkang mahu melihat projek ini gagal kerana kalau gagal, sahlah pandangan mereka betul tetapi sebagai projek yang didokong kerajaan tetapi dilaksanakan oleh swasta, kita mahu projek ini berdaya maju

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

kerajaan akan membina Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) berasrama berharga RM55 juta di sini, tahun depan, berikutan peningkatan permintaan pelajar setiap tahun.

Pada masa ini, 217 pelajar SMKA terpaksa menumpang di SMK Putrajaya Presint 11 (2) sejak dibuka pada 4 Januari 2011.

"Bangunan sekolah ini akan dibina di kawasan seluas 5.7 hektar yang sudah disediakan dengan kos kira-kira RM55 juta. Saya harap pelajar dapat kemudahan lebih baik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp), Wan Shahinur Izmir Salleh, menafikan syarikat menyeleweng dan membelanjakan pinjaman RM250 juta secara rakus.

Beliau berkata, syarikat perlu membayar ansuran pinjaman mulai tahun ini kerana jika gagal ia memberi kesan buruk kepadanya

dan keluarga termasuk diisytihar mufliis.

"Tidak munasabah jika saya gunakan wang itu untuk tujuan yang bukan-bukan. Ia adalah pinjaman yang perlu dibayar. Sekiranya gagal membayar pinjaman besar itu ia memberi kesan terhadap anak saya dan keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian pada satu taklimat kepada 25 Gabungan badan bukan kerajaan Malaysia di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau menjelaskan pembelian hartanah dengan menggunakan duit pinjaman berkenaan adalah satu bentuk pelaburan yang baik ketika itu kerana ia memberi pulangan dari segi sewa.

Anak Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil itu turut menafikan membeli kereta mewah dan gajinya mencecah RM40,000 seperti didakwa.